

## HUBUNGAN ANTARA BEBAN TUGAS DAN TEKANAN KERJA DENGAN KOMITMEN GURU SEKOLAH RENDAH

*The Relationship Between The Burden of Duties and Stress Towards Teacher's Commitment at The Primary School*

Abdul Said Ambotang dan Norhayati Bayong

Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

\*e-mel : said@ums.edu.my

Received : 18 Oktober 2018; Accepted : 30 November 2018; Published : 29 Disember 2018

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor beban tugas, tekanan kerja guru dan hubungannya dengan komitmen kerja guru berdasarkan ciri demografi guru. Seramai 207 orang guru dari enam buah sekolah terpilih kategori bandar di daerah Tawau mengambil bahagian di dalam kajian ini. Soal selidik terdiri daripada empat bahagian iaitu Bahagian A tentang ciri demografi, bahagian B merupakan skala Beban Tugas Guru, bahagian C pula skala Tekanan Kerja Guru dan bahagian D ialah Skala Komitmen Kerja Guru. Kaedah deskriptif untuk kajian ini ialah frekuensi dan peratus dan ujian  $-t$  tidak bersandar. Manakala kaedah statistik inferens pula ujian  $-t$  tidak bersandar dan korelasi Pearson digunakan untuk menjawab objektif dan persoalan kajian. Dapatkan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan tekanan kerja dalam kalangan guru lelaki dan perempuan. Begitu juga berdasarkan faktor kategori perkhidmatan guru tidak terdapat perbezaan komitmen kerja guru. Berdasarkan faktor kategori perkhidmatan juga tidak ada perbezaan dalam aras tekanan kerja guru. Begitu juga tidak terdapat hubungan yang signifikan antara skala beban tugas guru terhadap komitmen kerja guru namun sebaliknya pula terdapat hubungan yang signifikan antara skala tekanan kerja guru terhadap skala komitmen kerja guru.

**Kata kunci**      *Beban Tugas, Tekanan Kerja, Komitmen Guru, Sekolah Rendah.*

### Abstract

This study aims to examine the factors workload , work stress and its relationship to teachers' commitment is based on demographic criteria . A total of 207 teachers from six selected schools in the town of Tawau categories took part in this study . The questionnaire consists of four parts, Part A of the demographic, part B is the scale of the burden of teachers , the C scale and the Teacher Work Stress Scale D is teachers' work commitment . Descriptive methods for this study is the frequency and percent and independent t-test. The inferential statistical methods are independent t-test and Pearson correlation were used to answer the objectives and research questions. The results showed no significant differences in job stress among male and female teacher. While based on teacher service category also showed that there is

no difference towards teachers' commitment. Based on service category factor also no difference in the level of work stress. Similarly, there was no significant relationship between teacher workload scale towards teachers 'commitment, but on the other hand there is a positive significant relationship between the scale of work stress on a scale of teachers' commitment.

**Keywords**      *Burden of Duties, Work Stress, Teachers' Commitment, Primary School.*

## PENGENALAN

Profesional keguruan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sangat mencabar. Tenaga pengajar dan pengurus pendidikan seharusnya peka dengan perkembangan terkini dalam proses kepemimpinan, pengurusan, pengelolaan sumber, dan pencapaian matlamat pendidikan (Ooi Chew Hong dan Aziah Ismail, 2015). Justeru itu, dengan pelaksanaan berbagai reformasi dalam pendidikan sudah pasti menjadikan peranan dan tanggungjawab guru-guru menjadi lebih mencabar. Terdapat pelbagai tanggapan dan dakwaan berhubung dengan kerjaya guru dewasa ini. Sesetengah ahli masyarakat mempunyai tanggapan bahawa kerja, beban dan tugas guru sekarang tidak mewujudkan kerjaya guru yang menarik. Malah tidak menafikan ada yang melihat sekolah sebagai sebuah organisasi yang dihujani dengan pelbagai bebanan tugas dan ada kalanya tugas ini bukan satu yang terancang tetapi muncul dari situasi yang tidak diduga (Abdul Shukor, 1996 dan Fazura, 2011) . Jika keadaan sedemikian dibiarkan berterusan agak pasti suasana pengajaran pembelajaran di sekolah kini akan menuju ke arah satu keadaan yang tidak terurus dan akan menghadapi kegagalan untuk mencapai matlamat yang diidamkan.

Perubahan ini dikatakan menyebabkan senarai tugas guru semakin tinggi, sedangkan keadaan lain tidak banyak berubah (Amla Mohd Salleh, 1994 dan Noraini Mohamad, 2015). Guru sendiri dan persekitaran proses pembelajaran itu tidak disediakan dengan sempurna bagi menghadapi perubahan. Dengan itu, guru berasa amat kecewa kerana tidak mampu menangani tugas dan harapan yang sudah berubah. Isu tekanan kerja dalam kalangan guru kini kian mendapat perhatian orang ramai dalam dan luar organisasi pendidikan. Keluhan yang sering kedengaran ialah guru dibebani kerja bukan di dalam ruang tugasnya. Reformasi di dalam pendidikan seperti KBSR, PBS dan LINUS serta perubahan kurikulum turut menyumbang kepada tekanan kerja. Didapati bahawa guru-guru KBSR yang mengalami tekanan kerja yang tinggi lebih cenderung untuk berhenti kerja. Guru juga kini harus berhadapan dengan masalah sosial, anak muda yang terbiar dan masalah disiplin yang menakutkan dan disusuli pula oleh tekanan kerja yang kuat. Individu tidak mungkin dapat berfungsi dengan berkesan jika guru dalam keadaan tertekan (Smith, 1993). Perasaan tertekan menjadikan seseorang itu tidak rasional, cemas, tegang, tidak dapat memusatkan perhatian kepada kerja dan gagal menikmati rasa gembira atau puas hati terhadap kerja yang dilakukan. Hal-hal ini akan menghalang seseorang mewujudkan sifat positifnya, apa lagi sifat kasih sayang. Terdapat kajian-kajian (Pastore dan Judd, 1992; Fejgin *et*

*al.* 1995) membuktikan sesetengah guru memang mengalami perasaan tertekan, sikap berang , murung, mengambil keputusan atau memikirkan untuk berhenti atau bersara sebelum masa kerana dikatakan tertekan.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Isu guru-guru yang menghadapi kes mental telah menjadi isu yang besar di dalam masyarakat. Isu ini diperbesarkan pihak akhbar dan berpunca daripada keluarga profesion perguruan sendiri yang mendakwa tiap-tiap sekolah ini mempunyai guru sakit jiwa kerana beban tugas dan tanggungjawab (Omar Mohd Hashim, 1993). Fenomena ini sedikit sebanyak berpunca daripada tekanan kerja guru. Tekanan kerja guru bagai sudah sebat dengan profesion itu sendiri. Kesannya secara langsung akan merugikan sistem pendidikan negara. Isu mengenai tekanan kerja mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji-pengkaji di pelbagai negara. Implikasi pelaksanaan pengajaran Matematik dan Sains menggunakan Bahasa Inggeris juga telah mengundang tekanan kepada guru. Cara dan pendekatan bekerja serta beban kerja guru di sekolah semakin bertambah dengan wujudnya model sekolah berkesan seperti Sekolah Bestari, Sekolah Cemerlang dan Sekolah Contoh. Keadaan ini akan menimbulkan ketidakpuasan bekerja di dalam keadaan sekolah yang tidak selesa dan seterusnya menimbulkan banyak tekanan kerja kepada guru. Seseorang guru memerlukan lebih banyak masa untuk membuat persediaan, memeriksa buku dan menilai kerja bertulis pelajar, membimbing dan memberi bantuan personal kepada murid.

Dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa antara penyebab utama kepada tekanan kerja guru ialah beban tugas, salah laku pelajar, tekanan masa, suasana kerja dan perhubungan antara staf (Wearing dan Conn, 1995; Kelly dan Berthelsen, 1995 dan Tajulashikin Jumahat *et.al.*, (2013). Perkara seperti ini sememangnya wujud di Malaysia. Maka tidak hairanlah media sering memuatkan perlakuan atau tindakan guru yang tidak beretika yang mungkin berpunca daripada tekanan, rungutan dan guru tentang ketidakpuasan dari segi penilaian dan gaji, guru meninggalkan profesion perguruan, ketidakpuasan mengenai perubahan kurikulum dan seumpamanya. Keadaan ini sedikit sebanyak menimbulkan tekanan kepada guru. Guru mempunyai perhubungan profesional dengan beberapa kumpulan, yang akan mempengaruhi peranannya sebagai guru. Di bilik darjah, guru mempunyai hubungan langsung dengan murid-muridnya sendiri. Di luar kelas, tetapi masih di dalam kawasan sekolah, terdapat pula kumpulan lain yang terdiri dari pentadbir, rakan sejawat, staf sokongan dan waris yang berhubung dengan guru. Guru juga berhubung dengan kumpulan-kumpulan lain secara sekali-sekala, tetapi mereka juga mungkin mempunyai pengaruh kuat kepada guru secara tidak langsung (Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahdzan Ayob, 1992 ). Perhubungan-perhubungan ini juga secara tidak langsung akan menimbulkan tekanan kerja guru.

Pengkaji-pengkaji lepas mendapati bahawa profesion perguruan adalah bidang kerjaya yang menghadapi tekanan kerja yang tinggi (Kyriacou dan Sutcliffe, 1978a; Kyriacou, 1987; Trendall, 1989; Borg, 1990; Cooper, 1995; Hart *et al*, 1995 dan Norashid dan Hamzah 2014). Dapatan kajian-kajian ini membuktikan

betapa tekanan kerja guru di beri perhatian sewajarnya. Namun sehingga kini belum ada usaha yang benar-benar dapat menangani masalah ini. Maka adalah perlu bagi mengenal pasti punca-punca yang menimbulkan tekanan kerja guru agar pihak yang terlibat dapat merangka strategi bagi menanganinya. Kebajikan golongan guru harus diberi perhatian kerana tanggungjawab dan peranan mereka di dalam proses pembangunan masyarakat dan negara amat besar dan tidak boleh diabaikan.

Menurut Shamizawati (2000), komitmen merupakan satu sikap dan kelakuan pekerja yang amat penting dan ia menjadi tumpuan para penyelidik dalam bidang pengurusan, gelagat organisasi dan pengurusan sumber manusia. Hal ini kerana seseorang pekerja yang mempunyai komitmen yang tinggi akan menyumbang kepada pencapaian matlamat organisasi. Menurut Firestone dan Pennell (1993) dan Hester Hulpia et, al. (2012), komitmen juga sangat penting di sekolah terutama untuk mengawal dan menyelia tugas-tugas guru. Mereka mengatakan bahawa komitmen sangat penting kepada guru terutama untuk meningkatkan motivasi bagi menangani pelbagai perubahan yang menuntut permintaan yang tinggi dalam profesi perguruan. Selain itu, komitmen guru juga mempunyai hubungan dengan pencapaian pelajar. Dalam bidang pendidikan, prestasi sekolah sebagai sebuah organisasi pendidikan sangat bergantung kepada komitmen guru sebagai pendidik dan pengetua serta guru besar sebagai pengurus dan pentadbir.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara aras tekanan kerja berdasarkan faktor jantina.
2. Mengenal pasti perbezaan yang signifikan aras komitmen kerja guru berdasarkan faktor kategori perkhidmatan .
3. Mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara aras tekanan kerja berdasarkan faktor kategori perkhidmatan.
4. Mengenal pasti hubungan antara beban tugas guru dengan komitmen kerja guru.
5. Mengenal pasti hubungan antara tekanan kerja dengan komitmen kerja guru.

## **REKA BENTUK KAJIAN**

Salah satu tujuan menyediakan reka bentuk penyelidikan adalah untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan penyelidikan. (Kerlinger dan Lee, 2000). Sementara itu, menurut Mohd Majid Konting (2004), reka bentuk kajian merupakan teknik dan kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Reka bentuk kajian ini berasaskan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan. Kaedah tinjauan sesuai digunakan dalam kajian ini kerana terdapat kelebihan yang antaranya ialah kaedah ini mengumpulkan jawapan terus dari subjek kajian, data dapat dikutip dengan cepat dan keupayaan keputusan kajian untuk digeneralisasikan kepada populasi dengan tepat dan berkesan (Chua Yan Piaw, 2006). Kaedah tinjauan juga berguna untuk mengukur pendapat, sikap dan tingkah laku (Fullan dan Hagreaves, 1993) Selain itu, penggunaannya juga bertujuan

memberi perhatian terhadap penghuraian, penjelasan dan penerokaan kepada perkara yang dikaji (Babbie, 1998).

Teknik pensampelan adalah dengan menggunakan teknik pensampelan rawak mudah, yang mana semua kes atau subjek dalam populasi mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) dalam Ghazali (2016). Jadual berkenaan menentukan jumlah sampel daripada populasi yang berkenaan. Berdasarkan kepada jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan, jika saiz populasinya ialah 420 orang, maka jumlah saiz sampel ialah 201 orang. Oleh itu, sebanyak 300 borang soal selidik telah diedarkan bagi memastikan jumlah yang dikehendaki dalam kajian ini dapat dipenuhi.

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji salah satu faktor penyebab tekanan kerja yang dikemukakan oleh Boyle *et al.* (1995) iaitu beban tugas benar-benar dialami guru-guru di Malaysia khususnya beberapa sekolah rendah kategori bandar di daerah Tawau. Penyelidikan ini juga turut mengkaji hubungan antara tugas dan tekanan kerja terhadap komitmen guru. Berdasarkan tinjauan dan dapatan daripada kajian-kajian lepas, Mohamad Abdillah Royo & Woo Sew Fun. (2010); Wright S.L et, al (2012). pengkaji membentuk rangka konsep model kajian berdasarkan pemboleh ubah bersandar iaitu komitmen guru dan aras tekanan kerja manakala pemboleh ubah tidak bersandar yang terdiri daripada ciri demografi guru dan faktor yang menyebabkan tekanan kerja guru iaitu beban tugas untuk disesuaikan dengan kajian ini. Kajian akan menjurus kepada mengkaji sejauh mana faktor beban tugas memberikan tekanan kerja yang dicadangkan oleh Boyle *et.al*, (1995); Ages (2011) menyebabkan tekanan kerja dan apakah dimensi utama yang menyebabkan tekanan kerja guru? Pemboleh ubah tidak bersandar di dalam kajian ini ialah ciri demografi guru, tugas guru dan faktor tekanan kerja. Ciri demografi guru adalah berdasarkan ciri demografi terpilih seperti umur, jantina, taraf perkahwinan, kelulusan ikhtisas, dan kategori perkhidmatan. Faktor tugas guru ialah tugas-tugas yang perlu dilaksanakan oleh guru di sekolah. Faktor tekanan kerja terdiri daripada beban tugas yang dibahagikan kepada empat dimensi iaitu dimensi psikologikal, dimensi struktural, dimensi sosial, dan dimensi birokratik. Pemboleh ubah bersandar di dalam kajian ini ialah aras tekanan kerja dan aras komitmen guru.

## DAPATAN KAJIAN

Hipotesis	Pengujian	Signifikan	Keputusan
H01 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aras tekanan kerja guru berdasarkan faktor jantina guru.	Ujian- <i>t</i>	Tidak nilai <i>t</i> ( <i>df</i> =205) adalah 3.59, <i>p</i> = 0.659>0.05	Hipotesis nul diterima

H02 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara komitmen kerja guru berdasarkan faktor kategori perkhidmatan guru.	Ujian <i>-t</i>	Tidak nilai <i>t</i> ( <i>df</i> =205) adalah 0.165, <i>p</i> = 0.869>0.05	Hipotesis nul diterima
H03 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aras tekanan kerja guru berdasarkan faktor kategori perkhidmatan guru.	Ujian <i>-t</i>	Tidak Nilai <i>t</i> ( <i>df</i> =205) adalah -1.368, <i>p</i> = 0.173>0.05	Hipotesis nul diterima
H04 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara beban tugas guru terhadap komitmen kerja guru.	Korelasi	Tidak ( <i>r</i> = .087, <i>p</i> = 0.21>0.05)	Hipotesis nul diterima
H05 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan kerja guru terhadap komitmen kerja guru	Korelasi	Ya ( <i>r</i> = .210, <i>P</i> = 0.002<0.05)	Hipotesis nul ditolak

Kajian ini melibatkan enam buah sekolah rendah yang mengkaji hubungan antara beban tugas dan tekanan kerja terhadap komitmen guru sekolah rendah kategori Bandar. Secara keseluruhannya, hasil dapatan analisis beban tugas guru, tekanan kerja guru dan komitmen kerja guru berada pada tahap tinggi pada nilai min masing-masing 3.31,3.70 dan 3.58. Analisis ujian *-t* juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara aras tekanan kerja guru berdasarkan faktor jantina guru. Begitu juga terdapat perbezaan yang signifikan antara komitmen kerja guru berdasarkan faktor kategori perkhidmatan. Selain itu, terdapat juga perbezaan yang signifikan antara tekanan kerja guru mengikut faktor kategori perkhidmatan. Dari segi hubungan antara beban tugas guru terhadap komitmen kerja guru pula menunjukkan masih ada hubungan walaupun kekuatan korelasi berada pada tahap sangat lemah dengan nilai *r* = -.087 . Begitu juga hubungan antara tekanan kerja guru terhadap komitmen kerja guru menunjukkan masih ada hubungan walaupun kekuatan korelasi berada pada tahap sangat lemah dengan nilai -.210.

## PERBINCANGAN

Dapatkan kajian ini selaras dengan kajian dimensi beban tugas dan tekanan kerja guru sekolah rendah di West Indian, Barbados mendapati kesukaran mengendalikan pelajar dalam kelas semasa proses pengajaran dan memenuhi kehendak pihak pengurusan, beban tugas yang tidak berkaitan dengan aktiviti pengajaran merupakan faktor yang dipersepsikan oleh kebanyakan guru mendatangkan tekanan kerja yang tinggi dalam pekerjaan mereka (Payne dan Furnham, 2017). Hasil kajian juga mendapati dari aspek pengurusan masa, guru perempuan menghadapi tahap tekanan yang lebih tinggi berbanding dengan guru lelaki. Guru yang berkelulusan rendah dan kurang pengalaman dilaporkan mengalami tekanan lebih rendah daripada yang lain.

Secara keseluruhan kajian ini, menunjukkan adalah wajar untuk menganggap bahawa faktor beban tugas dan tekanan kerja guru adalah agak membimbangkan. Keadaan ini harus dibendung untuk menjaga kepentingan institusi pendidikan yang merupakan satu institusi penting bagi melahirkan masyarakat yang maju. Maka dengan itu faktor-faktor yang menyumbang kepada beban tugas, tekanan kerja dan komitmen guru harus diberi perhatian khusus bagi menangani masalah ini berterusan.

## KESIMPULAN

Dapatlah dirumuskan bahawa kerjaya dan tugas seorang guru itu adalah amat berat. Tugas dan tanggungjawab guru pada masa yang serba canggih dan mencabar ini bukan hanya sekadar menyampaikan ilmu pengetahuan malah gurulah yang menjadi penjana dan nadi kepada kecemerlangan generasi yang akan datang. Tekanan yang dialami oleh guru tidak boleh dipandang remeh kerana boleh membawa kesan yang jauh lebih dahsyat kepada kemajuan pendidikan amnya dan kepada pembangunan pelajar khasnya kerana mereka bakal menjadi pemimpin pada masa depan. Ternyata, tekanan kerja sememangnya akan mengganggu gaya hidup dan kesejahteraan hidup seseorang insan bergelar guru. Ini seterusnya akan mengganggu prestasi kerja dan *outputnya* dalam bidang pendidikan yang diceburinya. Oleh yang demikian, setiap individu yang bergelar guru hendaklah sentiasa mempersiapkan diri dengan meningkatkan ilmu pengetahuan yang ada mengikut perubahan masa. Selain itu, seorang guru juga hendaklah bijak dalam menangani dan menguruskan setiap bebanan dan masalah yang dihadapi. Dunia pekerjaan guru perlu diurus dengan bijaksana agar setiap permasalahan dan bebanan tersebut tidak mengundang kepada masalah tekanan. Dalam pada itu, setiap pihak juga harus memberi sokongan dan membantu mengurangkan beban tugas dan tekanan yang dihadapi oleh guru. Kajian ini juga diharap dapat digunakan untuk membantu serta meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap masalah yang dihadapi oleh guru-guru. Pada masa akan datang diharapkan lebih banyak kajian yang berkaitan dengan beban tugas dan tekanan kerja guru dapat dijalankan.

## RUJUKAN

- Abdul Wahid Nuruddin. (1996). *Stres Pekerjaan di kalangan Guru*. Tesis (B.Ed) yang tidak diterbitkan. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Shukor Abdullah (1996). *Penilaian Semula Situasi Pengurusan Sekolah*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Nasional Ke Pengurusan Pendidikan di Institut Aminuddin Baki pada 14 -16 Nov 1996.
- Abouserie,R. (1996). Stress, Coping strategies and job satisfaction in university academic staff. *Educational Psychology*,16 (1), 49 -56.
- Ages,V.D.(2011). Teacher Perceptions On Stress And Retention. ProQuest Dissertations and Theses.
- Abu Omar Mos. (1996). *Punca dan Tahap Tekanan Pengurusan di Kalangan Pentadbiran Sekolah Rendah*. Tesis (M.Ed) yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Amla Mohd Salleh. (2004). *Beban Kerja Halang Kemampuan Guru*. Berita Harian. Kuala Lumpur: New Straits Times.hal.19.
- Aishah Bee Ahmad Tajudeen. (2004). *Kepuasan Kerja dan Tekanan yang dihadapi oleh Guru Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana Sains Fakulti Pengajian Pendidikan yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Asri Marsidi dan Hamrlia Abdul Latip (2007). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Komitmen Pekerja di Organisasi Awam*. Jurnal Kemanusiaan, 10:32-45.
- Azizah Abdul Rahman & Sharifah Mohd Nor. (1992). *Pendidikan di luar Bandar di Malaysia, dalam King V.T. & Nazaruddin Mohd Jali (Penyelaras), Isu-isu pembangunan luar bandar di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka/Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Azhar Ahmad. (2003). *Influence of Communication Satisfaction on Organizational Commitment of Academic Staffs of Universiti Kebangsaan Malaysian (UKM) presented at the 3<sup>rd</sup> International Conference on Knowledge, Culture and Change in Organization, Penang, Malaysia*.
- Borg. M. G. & Riding, R. J. (1993). *Teacher Stress and Cognitive Style*. British Journal of Educational Psychology, 65, 49 – 67.Capel, S.A. 1991. *A longitudinal Study of burnout in teachers*. British Journal of Educational Psychology, 61, 36 – 45.
- Chan, D.W. & Hui, E.K.P. (1995). *Burnout and Coping Among Chinese Secondary School Teachers in Hong Kong*. British Journal of Educational Psychology, 65, 15 -25.
- Chan, W. Y., Lau., S., Nie, Y., Lim, S., and Hogan, D.(2008). *Organizational and Personal predictors teacher commitment: The mediating role of teacher Efficacy and Identification With School*. American Educational Research Journal,45, 597 – 630.
- Chei, C.L. (1996). *Tekanan Kerja di Kalangan Guru-Guru di Sebuah Sekolah Menengah Kerajaan dan Sebuah Sekolah Menengah Swasta*. Tesis (B.Ed) yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Chuan Yan Piaw. (2006). *Research Method and Statistics*. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Executive Summary. Smart School Blueprint.2006. Retrieved from: <http://www.fortunecity.com/skyscraper/aptiva/194/exesum.htm>.

- Dewan Bahasa dan Pustaka.(2005). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fazura Mohd Noor, (2011). *Faktor - Faktor Penentu Stres Dalam Kalangan Guru – Guru : Kajian Di Sekolah Rendah Mubarigh Di Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Pengurusan Pendidikan yang tidak diterbitkan: Universiti Malaysia Terbuka (OUM).
- Fejgin, N, Ephraty, N,K Ben Sira, D.(1995). *Work Environment and Burnout of Physical Education Teachers*: Journal of Teaching Physical Education. 15. 64 – 78.
- Firestone, W.A., & Pennell, J.R. (1993). *Teacher Commitment, Working Conditions and Differential Incentive Policies*. Review of Educational Research, 63(4), 489 - 525.
- Fontana, D. & Abouserie, R. (1993). *Stress Levels, Gender and Personality Factors in Teachers*: British Journal of Educational Psychology, 63, 261 -270.
- Ghazali. S, & Abdul Said. A. (2016) The Role of Basic Vocational Education Towards Students Employability. International Journal of Vocational Education and Training Research. 3(1), 1-6.
- Hart, P.M., Wearing, A.J. & Conn, M. (1995). *Conventional Wisdom is a Poor Predictor of the Relationship Between Discipline Policy, Student Misbehaviors and Teacher Stress*. British Journal of Educational Psychology, 65: 27 – 48.
- Hester Hulpia, Greert Devos, Yves Rosseel & Peter Vlerick (2012) Dimensions of Distributed Leadership and the Impact on Teachers' Organizational Commitment : A Study in Secondary Education. Journal of Applied Social Psychology. 2 : 19 -31
- Junaidah Abdul Jamil. (1995). *Perceived Teachers' Stress in Selected Secondary Schools in Kuala Lumpur*. Tesis (M.Ed ) yang tidak diterbitkan. Houston: University of Houston.
- Kelly, A.L. & Berthelsen, D.C. (1995). *Preschool Teachers' Experiences of Stress*. Teaching And Teacher Education, 11 (4), 345 – 357.
- Kyriacou, C. & Sutcliffe, J. (1978a). *A Model of Teacher Stress*. Educational Studies,4(1) : 1- 6.
- Manthei, R., Gilmore, A., Tuck, B., & Adair, V. (1996). *Teacher Stress in Intermediate Schools*. Educational Research, 38 ( 1 ), 3 - 19.
- Meyer, J.P. and Allen,NJ .(1984). *Testing The Side-Bet Theory of Organizational Commitment*: Journal of Managerial Psychology,15 (8): 812-813.
- Mohd Fitri Suhhari.(2006). *Tahap Beban Tugas Guru Sekolah Menengah di Daerah Skudai*: Kajian Kes. Tesis Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik) yang tidak diterbitkan. Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Hasidin Zaini. (1995). *Faktor Ciri-Ciri Kerja yang Mempengaruhi Stres Guru: Kajian di Kalangan Kakitangan Sumber Kemahiran Hidup Sekolah Menengah Negeri Johor*. Tesis Sarjana Pengurusan Teknologi yang tidak diterbitkan. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohamad Abdillah Royo & Woo Sew Fun. (2010). *Faktor-faktor yang mendorong tekanan kerja (Stres) di kalangan guru-guru SJKC: Satu kajian di tiga buah sekolah di Wilayah Persekutuan.* (Laporan kajian yang tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan.* Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Salleh Abu & Zaidatun Tasir.(2001). *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer: SPSS 10.0 for Windows.* Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Mohd Yusof Othman. (1991). *Komitmen Guru Terhadap Organisasi: Satu Tinjauan di Kalangan Guru Sekolah Menengah di Daerah Bandar Bahru, Kedah Darul Aman.* Disertasi Sarjana Pendidikan. Universiti Utara Malaysia.
- Mokhtar Ahmad. (1998). *Tekanan Kerja Di Kalangan Guru Sekolah Menengah: Satu Kajian di Daerah Kulim Bandar Baharu Kedah.* Tesis Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia yang tidak diterbitkan. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Noran Fauziah Yaakub dan Sharifah Mohd Nor. (1990). *Kepuasan Kerja Guru di Dua Jenis Sekolah.* Jurnal Psikologi Malaysia, 6, 77 – 90.
- Noraini Mohamad (2015). *Tekanan Kerja Dalam Kalangan Guru : Kajian Di Sebuah Sekolah Menengah Daerah Kluang Johor Darul Takzim:* Tesis Sarjana Pengurusan Pendidikan yang tidak diterbitkan: Universiti Utara Malaysia.
- Norashid Bin Othman dan Hamzah Bin Md. Omar (2014). *Beban Tugas dan Motivasi Pengajaran Guru Di Sekolah Menengah Daerah Ranau.* Jurnal Pemikir Pendidikan 5: 35-37
- Omar Mohd Hashim. (1993). *Pendidikan: Persoalan, penyelesaian dan harapan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ooi Chew Hong dan Aziah Ismail (2015). *Sokongan Pihak Pengurusan Sekolah Terhadap Tekanan Kerja Guru Di Sekolah Kebangsaan Dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.* Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 2: 2
- Ong Chon Sooi. (1995). *Komitmen dan Prestasi Organisasi: Cabaran Kepada Pengurus Pendidikan.* Masalah Pendidikan, 19, 43 - 63.
- Payne, M. A., and A. Furnham. (2017). *Dimensions of Occupational Stress in West Indian Secondary School Teachers.* British Journal of Educational Psychology. 57: 141-150.
- Rahim, A.R.,(1997). *Implikasi Sekolah Satu Sesi.* Massa, 72, 26 – 30.
- Rasilan Johny.(2004). *Hubungan Tekanan Kerja Dengan Beban Tugas Guru di Sebuah Sekolah Menengah di Daerah Ranau Sabah.* Tesis Sarjana Pengurusan Pendidikan yang tidak diterbitkan. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Rogg, K.L. (1997). *Organizational Commitment in the Post-Loyalty Area.* Perceived Organizational Support, Multiple Commitment and Other Antecedents' Effects on Turnover Intentions and Job Performance. Unpublished Doctoral Dissertation, Kansas State University.
- Tajulashikin Jumahat, Fazira Mohd Noor dan Mohd Burhan Ibrahim (2013). Faktor-faktor Penentu Stress Dalam Kalangan Guru: Sekolah Rendah Mubaligh Di Kuala Lumpur. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik.

- Tan, H. C. (1996). *Tekanan Kerja di Kalangan Guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dalam Daerah Gombak*. Tesis (M.Ed) yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Tan, K.A.(1996). *Keberkesanan Pendekatan Holistik dalam mengurangkan Stres di Kalangan Guru*. Tesis (M.Ed) yang tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Wright S.L., Jenkins-Guarnieri, M.A. & L. Murdock, J.L. (2012). Career development among first-year college students: College self-efficacy, student persistence, and academic success. *Journal of Career Development*, 40(4), 292-310.
- Yahadi Yasili. (1998). *Perkaitan di Antara Keadaan Tempat Kerja dengan Komitmen Guru*. Tesis Sarjana Pengurusan (tidak diterbitkan): Universiti Utara Malaysia.